

'HARGA MAHAL' MERDEKA, SUKAN

UTUSAN MALAYSIA

29/8/2017 p. 11



MOHD.
NIZAR SUDIN

MALAM ini bertem-
pat di Stadium Shah
Alam akan menyaksikan
'ibu segala emas'
dalam final bola sepak
digenggam oleh pasukan Malaysia.

Nada bunyinya tidak teragak-agak. Penulis berkeyakinan penuh skuad negara mampu menumbangkan Thailand. Anda bagaimana? Mungkinkah sekali lagi N. Thanabalan meledakkan gol kemenangan?

Sukan adalah pendekatan terbaik mengetepikan pelbagai perbezaan manusia kerana sukan mempunyai satu daya tarikan iaitu *feel good factor*. Justeru, objektif yang hendak dicapai ialah perpaduan, kekitaan dan kebersamaan berlandaskan semangat kesukanan.

Sukan juga adalah aktiviti fizikal yang bersifat kompetitif. Sukan juga menzhahirkan penyatuhan atlet dari pelbagai negara dalam pertandingan besar seperti Sukan Olimpik, Sukan Asia dan Sukan SEA. Para atlet yang berjaya diberi pengiktirafan dan penghormatan oleh negara masing-masing. Dalam konteks pembangunan dan perpaduan negara, sukan memainkan peranan cukup besar, sama seperti sektor sosial yang lain.

Penulis amat tertarik dengan pendekatan inklusif yang diam-bil oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam meniup semangat juang pasukan Malaysia pada temasya Sukan SEA 2017. Beliau dengan penuh semangat kesukanan menyatakan:

"Tidak kiralah apa pegangan politik anda, datang dan berbual dengan saya. Beritahu saya apakah jangkaan anda dan apakah idea anda."

Khairy lalu menjemput mereka untuk berkongsi idea bersama. Ia merentasi semua ideologi. "Bagi saya, itulah cara saya mempromosi perpaduan negara," kata Khairy.

Seruan Khairy jelas menunjukkan kematangan dan keterbukaan beliau dalam memimpin kementerian sukan selaras dengan



KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR mengucapkan tahniah kepada para pemain Malaysia yang berjaya melayakkan diri ke final menentang Thailand selepas menewaskan Indonesia 1-0 pada perlawanan separuh akhir Bola Sepak Lelaki Sukan SEA ke-29 di Stadium Shah Alam pada 26 Ogos lalu. - BERNAMA

strategi Dasar Sukan Negara yang digariskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Matlamat utama Dasar Sukan Negara adalah untuk mewujudkan budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Gemuruh dan gegak gempita sokongan kepada atlet yang bersaing di hadapan ribuan penyokong memberi impak yang bukan sedikit. Suara gemuruh ini adalah simbol kesatuan anggota masyarakat walaupun mempunyai kecenderungan politik yang berbeza demi memberi sokongan yang jitu untuk atlet negara.

Persoalannya, dalam konteks Malaysia, sejauh mana sukan dapat mengeratkan perpaduan kaum dan menyuburkan integrasi nasional? Dalam sukan berpasukan seperti bola sepak misalnya, pemain dari pelbagai kaum mengambil bahagian dengan penuh semangat kesukanan tanpa menghiraukan perbezaan politik. Atlet yang terbaik dipilih berdasarkan merit dan keupayaan serta mampu capai kemenangan tanpa melihat kepada latar belakang etnik, budaya maupun agama.

Sukan SEA yang sedang berlangsung di ibu negara sekarang adalah landasan terbaik bagi mengukuhkan persefahaman dan memupuk perpaduan dalam kala-



N. THANABALAN

ngan rakyat Malaysia. Sebagai tuan rumah, Malaysia pada tahun ini bakal meraih pungutan pingat terbesar dalam sejarah sukan negara termasuklah mele过asi 111 yang disasarkan.

Laungan 'Malaysia Boleh' dalam satu suara dan nyanyian lagu kebangsaan Negaraku setiap kali atlet negara memenangi pingat emas membuktikan terdapat kesepakatan yang penuh akrab dan bersemangat kebangsaan yang terdapat dalam sukan.

Bagi warga lama, pasti masih ingat zaman kegemilangan bola sepak negara tahun 1980-an yang mana terbukti sukan mampu memecah tradisi dominasi sesuatu kaum. Nama-nama besar pemain daripada pelbagai kaum seperti Mokhtar Dahari, Hassan Sani, V. Arumugam, Soh Chin Aun, James Wong, Lim Teong Kim, Wan Jamak, V. Gunalan, Zainal Abidin dan Khalid Ali membuktikan kemauafakan dalam sukan dapat menghasilkan perpaduan terutama dengan penampilan 'kemajmukan' bukan sahaja dari segi penyertaan tetapi lebih dari itu.

Ini menyaksikan agenda membangunkan sukan negara, sekali gus dapat memaparkan usaha memupuk penerimaan ke atas kepelbagai sukan yang wujud

dari masyarakat pelbagai etnik.

Kesinambungan semangat persefahaman di bawah nama sukan kini boleh diteruskan bersempena Hari Kebangsaan pula. Laungan kemauafakan 'Malaysia Boleh' akan disusuli pula dengan laungan semangat patriotik 'Merdeka'.

Pada Hari Kebangsaan 2017, *Negaraku Sehati Sejiwa* dipilih sebagai tema sambutan di mana pemilihan tema itu bertujuan untuk menunjukkan betapa pentingnya rakyat Malaysia mempunyai semangat berbilang kaum dan bersatu padu.

Dalam meraikan kecerlangan atlet Malaysia di Sukan SEA, jangan pula lupa kepada para pejuang yang berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara dari penceroboh dan pengganas. Catatan pahit tercatat pada 2 Mac 2013 apabila enam pegawai dan anggota polis dibunuhan secara kejam di Kampung Simunul, Semporna, Sabah oleh pengganas Sulu. Mereka mempertaruhkan nyawa demi memastikan kesinambungan ke-sejahteraan rakyat.

Tidak dilupakan juga perjuangan dan pengorbanan anggota pasukan keselamatan pada era darurat dari 1948 hingga 1960. Untuk rekod, Parti Komunis Mala-yia (PKM) diketuai Chin Peng pada waktu itu melancarkan keganasan dengan membunuh pengurus-pengurus bangsa Eropah, memusnahkan pokok getah dan lombong, menyerang balai-balai polis dan anggota-anggota pasukan keselamatan.

Demikianlah harga mahal yang perlu dibayar untuk sebuah keamanan dan kemerdekaan. Sempena Sukan SEA dan Hari Kebangsaan 2017, marilah kita tabik kepada semua atlet sukan negara yang berjuang mengharumkan nama negara dan para pejuang yang berkorban demi keamanan yang kita nikmati sekarang. Selamat menyambut Hari Kebangsaan.

DATUK MOHD. NIZAR SUDIN

ialah Penganalisis Politik merangkap Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).